

SULIT

02/1



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2010

02/1

TINGKATAN TIGA

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Disediakan oleh:

GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Courtesy Of SMKADG.COM

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

02/1

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 _____ berita yang terkini dan menarik telah menyebabkan TV3 terus mendapat sambutan penonton.
- A Lembaran
 - B Paparan
 - C Hamparan
 - D Hantaran
- 2 Ahmad datang ke sekolah dengan _____ sahaja kerana sambutan hari guru diadakan di sekolahnya pada hari itu.
- A melenggang
 - B melenggok
 - C melencung
 - D melenggong
- 3 Encik Salleh _____ dengan panggilan Pak Su dalam kalangan anak buahnya.
- A merdu
 - B rapat
 - C manja
 - D mesra
- 4 Mangsa kemalangan itu _____ di dalam keretanya sebelum diselamatkan oleh anggota bomba.
- A terkepit
 - B tersepit
 - C terhimpit
 - D terkapit
- 5 Pemuda itu masih lagi _____ walaupun terbukti dialah yang melakukannya.
- A bertapi-tapi
 - B berura-ura
 - C berbisik-bisik
 - D beriak-riak
- 6 Hari Kemerdekaan disambut _____ di seluruh negara dengan pelbagai acara yang menarik.
- A riang
 - B megah
 - C hormat
 - D meriah

SULIT

3

02/1

- 7 Wanita itu baik orangnya _____ dia tidak pernah menyakiti hati orang lain.
- A tetapi
 B sekalipun
 C malahan
 D sungguhpun

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

- 8 Para pelajar dilarang berbuat bising di dalam kelas supaya tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Tiada Kesalahan.
 A B C D
- 9 Ibu sedang memasak rendang ayam daging untuk dihidangkan kepada tetamu yang berkunjung ke rumah semasa Hari Raya Aidilfitri. Tiada Kesalahan.
 A B C D
- 10 Hotel Primula menghadihkan kek berupa Menara Berkembar Petronas kepada Yang di-Pertuan Agong sempena sambutan hari pertabalan baginda. Tiada kesalahan.
 A B C D
- 11 Datuk Alimuddin menerima dokumen serahan tugas daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia yang akan bersara. Tiada Kesalahan.
 A B C D
- 12 Dengan keyakinan diri yang tidak berbelah bahagi Yusri bertekad untuk mencatat masa yang terpantas sekali dalam acara 100 meter nanti. Tiada kesalahan.
 A B C D
- 13 Sampai sekarang Pak Said masih ingat peristiwa pahit maung yang ditempuhinya semasa penjajahan Jepun dahulu. Tiada kesalahan.
 A B C D
- 14 Juru-jurujuai itu sedang giat mempromosikan barangan terkini keluaran syarikat mereka. Tiada kesalahan.
 A B C D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

- 15
- I Kita mestilah *tahan* menyimpan rahsia yang diamanahkan kepada kita.
 - II Demam Mak Esah yang agak berat semalam sudah *tahan* sedikit hari ini.
 - III Pasukan keselamatan masih mampu *tahan* walaupun bilangan musuh semakin ramai.
 - IV Jam tangan yang berjenama itu *tahan* air walaupun direndam beberapa lama.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16
- I Mak Cik Mala *membawa* anaknya beberapa keping roti dan secawan teh.
 - II Awan mendung *membawa* alamat hujan akan turun tidak beberapa lama lagi.
 - III Husnina *membawa* hidupnya ke kota metropolitan untuk mengubah nasibnya.
 - IV Aktiviti Mat Rempit telah *membawa* keadaan kacau kepada penduduk di kawasan itu.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 17
- I Dalam kesunyian malam, terdengar suara *panggilan* dari dalam gua.
 - II Aishah menolak *panggilan* Samad untuk keluar bersiar-siar di bandar.
 - III Ali sendiri kurang pasti tentang tujuan *panggilan* Tok Penghulu petang nanti.
 - IV Dia menolak *panggilan* kerja sebagai kerani pejabat kerana jarak yang terlalu jauh dari rumahnya.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 – 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

18. Para tetamu dihidangkan berbagai jenis lauk-pauk semasa majlis kenduri perkahwinan anak orang kenamaan itu.
- A dihidangi pelbagai jenis lauk
 - B dihidangkan pelbagai jenis lauk
 - C dihidangi pelbagai jenis lauk-pauk
 - D dihidangkan berbagai jenis lauk-pauk
19. Ibu tua itu menanggung penderitaan oleh kerana terlalu rindukan anak perempuannya yang lari dari rumah.
- A kerana terlalu rindukan
 - B oleh sebab terlalu rindu
 - C oleh sebab terlalu merindui
 - D oleh kerana terlalu rindukan
20. Dengan ini dimaklumkan bahawa esok merupakan hari cuti umum sempena pertabalan Sultan Terengganu.
- A Adalah dimaklumkan yang
 - B Dengan ini dimaklumkan yang
 - C Adalah dimaklumkan bahawa
 - D Dengan ini dimaklumkan bahawa
21. Setengah pandangan yang kita berikan kadang-kadang tidak mendapat persetujuan daripada orang lain.
- A Seseengah pandangan yang diberikan oleh kita
 - B Setengah-setengah pandangan yang kita berikan
 - C Setengah pandangan yang diberikan oleh kita
 - D Setengah pandangan yang kita berikan

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Ibu bapa digalakkan mewujudkan perpustakaan mini di rumah untuk menyemai sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga terutama anak-anak.**
- A Ibu bapa diwajibkan mewujudkan perpustakaan mini di rumah untuk menyemai sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga.
 - B Mewujudkan perpustakaan mini di rumah membolehkan sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga terutama anak-anak digalakkan.
 - C Ahli keluarga dan anak-anak akan suka membaca sekiranya ibu bapa mewujudkan perpustakaan mini di rumah.
 - D Sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga terutama anak-anak akan dapat disemai sekiranya ibu bapa mewujudkan perpustakaan mini di rumah.
- 23 **“Sekiranya kamu mempunyai masa lapang pada masa cuti sekolah nanti, datanglah ke rumah saya di Negeri Sembilan,” kata Razali kepada Ahmad.**
- A Razali mengajak Ahmad datang ke rumahnya di Negeri Sembilan jika dia kelapangan.
 - B Ahmad dipelawa oleh Razali supaya datang ke rumahnya di Negeri Sembilan pada cuti akan datang jika dia kelapangan.
 - C Ahmad akan datang ke rumah Razali di Negeri Sembilan pada cuti nanti jika dia ada masa lapang.
 - D Razali berkata kepada Ahmad bahawa sekiranya kamu ada masa lapang, datanglah ke rumahnya di Negeri Sembilan pada cuti akan datang.
- 24 **Sesuatu bangsa itu akan disanjung tinggi sekiranya mempunyai keupayaan memelihara dan memartabatkan warisan budaya mereka.**
- A Sesuatu bangsa itu akan dihormati sekiranya mempunyai keupayaan dan memartabatkan warisan budaya mereka.
 - B Mempunyai keupayaan memelihara dan memartabatkan warisan budaya menyebabkan sesuatu bangsa itu akan disanjung tinggi.
 - C Sekiranya mempunyai keupayaan memelihara dan memartabatkan warisan, sesuatu bangsa itu akan disanjung tinggi.
 - D Sekiranya mempunyai kesedaran memelihara dan memartabatkan bangsa, sesuatu bangsa itu akan disanjung tinggi.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25
- I Beg sekolah Faiz penuh dengan buku-buku teks dan buku-buku rujukan.
 - II Berkurun lamanya negara kita dijajah oleh kuasa asing pada masa lampau.
 - III Jarak di antara rumah Syamil dengan masjid lebih kurang empat kilometer suku.
 - IV Farah mendapat tempat ketiga dalam acara lumba lari 100 meter di sekolahnya.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C I, III dan IV sahaja
D III dan IV sahaja
- 26
- I Akhir-akhir ini pegawai itu berasa curiga tentang kejujuran pekerja-pekerjanya.
 - II Selepas dijerang beberapa ketika, suhu air itu berubah daripada sejuk kepada panas.
 - III Maniam bukanlah pandai sangat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
 - IV Mak Jemilah telah terpedaya dengan pujukan jurujual yang datang ke rumahnya.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja
- 27
- I Dedaun kering kelihatan gugur di halaman rumah apabila angin bertiup kencang.
 - II Badan Pak Mail bermandikan peluh ketika bekerja di kebun sayurnya itu.
 - III Fazlin telah memperlihatkan kebolehannya bermain alat-alat muzik.
 - IV Kita mestilah sentiasa sedia dalam menghadapi segala cabaran hidup.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja

Soalan 28 – 30

Pilih *peribahasa* atau *maksud peribahasa yang paling sesuai* bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

- 28** Juliana sering menangis kerana terpaksa berpisah dengan sahabat baiknya. Hubungan mereka seperti adik-beradik sejak dahulu lagi. Mereka selalu bersama-sama ke mana-mana sahaja mereka pergi dan tidak pernah berpisah.

Apakah peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A** Seperti bulan dengan matahari.
- B** Seperti anjing dengan kucing.
- C** Seperti cincin dengan permata.
- D** Seperti beliung dengan asahan.

29

Bagai lebah mengumpul madu

Peribahasa di atas mengajar kita supaya

- A** hendaklah rajin bekerja dan tekun berusaha untuk mencapai cita-cita.
- B** janganlah mengambil sesuatu lebih banyak daripada apa-apa yang diminta.
- C** hendaklah bermanis muka ketika berbicara dengan orang yang lebih tua.
- D** janganlah melakukan sesuatu pekerjaan untuk mendapat pujian orang lain.

- 30** Pak Kamis selalu mementingkan diri sendiri. Dia tidak disukai oleh penduduk kampung kerana hanya sentiasa memikirkan kepentingan dirinya sendiri tanpa menghiraukan hal orang lain.

Peribahasa yang sesuai bagi situasi di atas adalah

- A** bagai gergaji dua mata.
- B** bagai enau dalam belukar.
- C** bagai api dalam sekam.
- D** bagai kaduk naik junjung.

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Mei Ling, ibu nak ke kebun Haji Hasyim sekejap. Katanya ada beberapa tandan pisang sudah masak. Dia suruh ibu jualkan kepada Pak Mail, penjaja pisang goreng di pekan sana. Kalau esok pagi hujan, ibu akan ke pekan.”

Nyonya Khoo menuju ke arah pintu dapur, mencapai parang panjang yang terletak di sisi tempayan sompek.

“Baiklah,” balas Mei Ling perlahan, masih mencuci mangkuk.

Nyonya Khoo keluar dari pintu dapur, menuju ke kebun arah hulu. Mei Ling hanya memerhatikan langkah ibunya yang sesekali terhenjut-henjut itu sewaktu cuba mengelakkan buku lalinya daripada tersentuh pokok-pokok semalu yang tumbuh meliar di bawah jejeran pohon-pohon getah.

Entah mengapa Mei Ling merasakan dirinya semakin sayu. Memerhatikan langkah dan lenggang ibunya yang sedikit lesu itu *semacam menerbitkan sentakan perasaan* yang terlalu aneh dalam jiwanya.

“Ah! Alangkah kuatnya semangat ibu melangsungkan hidup ini,” desis hati kecilnya secara tiba-tiba.

Mei Ling sedar, sejak kematian ayahnya, ibunyalah yang terpaksa bekerja keras menyara hidupnya sekeluarga. Walaupun hanya dia dan ibunya sahaja yang menjadi penghuni rumah usang itu, tetapi dia tetap merasakan ibunya menanggung beban yang berat untuk terus menyekolahkanannya. Lebih-lebih lagi hanya dia dan ibunya sahaja menjadi penghuni asing Kampung Kemuning itu. Tetapi terbetik juga di benaknya betapa masyarakat yang digaulinya di kampung terpencil itu tetap menghargai kehadiran dia dan ibunya yang sudah menajak usia empat tahun itu. Jauh-jauh terselit rasa syukur di sudut hatinya bahawa dia dan ibunya tetap bergelar penghuni setia Kampung Kemuning.

“Ah! Terlalu jauh fikiranku melayang,” bentaknya kepada dirinya sendiri.

Sesudah mencuci mangkuk-mangkuk itu dan menyusunnya di atas para-para, Mei Ling menuju ke arah meja yang terletak di sudut kiri rumahnya, menghadap ke pintu masuk.

Sambil menyelak lembaran buku Geografi, sengaja dibiarkan fikirannya menerawang lagi. Dia merasakan timbulnya suatu kenikmatan dan ketenangan yang tiada tara sewaktu membiarkan fikirannya menyusup jauh. Dia teringat pula kata-kata ibunya dahulu yang kini dirasakannya semakin memberikan makna yang pejal. Kata ibunya, “kenangan adalah sejarah, Mei Ling. Kita belajar menjadi dewasa daripada sejarah. Sejarah hidup kita adalah sejarah yang perit dan melukakan. Tetapi dari keperitan itu kita harus bangun dan sedia melangsungkan hidup ini. Kitalah yang lebih berhak ke atas diri kita sendiri. Anakku, percayalah, orang-orang di sekeliling kita tetap menghargai kehadiran kita di sini. Kita perlu cintakan kedamaian dan keharmonian. Dan ... kita telah menemui keharmonian di Kampung Kemuning ini.”

Mei Ling menyeka pelupuk matanya yang mulai digenangi air bening. Dia cuba menahan rasa sebak yang bertamu di dadanya itu.

(Dipetik daripada cerpen *Sehijau Warna Daun*,
antologi *Sehijau Warna Daun*, Tingkatan 1,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 31 Apakah yang mengganggu fikiran Mei Ling?
- A Sedih mengenangkan nasib ibunya.
 - B Dipulau oleh masyarakat Kampung Kemuning.
 - C Teringat akan ayahnya yang telah meninggal dunia.
 - D Dimarahi ibunya kerana enggan mencuci mangkuk.

- 32 Perwatakan Mei Ling berdasarkan petikan tersebut adalah...

- A lesu
- B sayu
- C berani
- D sopan

Memerhatikan langkah dan lenggang ibunya yang sedikit lesu itu *semacam menerbitkan sentakan perasaan* yang terlalu aneh dalam jiwanya.

- 33 Apakah gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam rangkai kata di atas?

- A Simile.
- B Inversi.
- C Hiperbola.
- D Simpulan bahasa.

- 34 Yang manakah antara yang berikut **tidak benar** mengenai Mei Ling?

- A Ayahnya sudah meninggal dunia.
- B Kehidupan Mei Ling dan ibunya agak susah.
- C Penduduk kampung sering meminggirkannya.
- D Dia dan ibunya merupakan penghuni setia perkampungan Melayu.

- 35 Apakah tema cerpen *Sehijau Warna Daun*?

- A Kasih sayang anak terhadap ibu
- B Nilai kasih sayang dalam keluarga.
- C Isu perpaduan kaum di Malaysia.
- D Kemiskinan hidup masyarakat berbilang bangsa

Soalan 36 – 40

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SYAIR CINTAI ALAM SEKITAR

Aduhai adikku kakak berpesan,
Kelak dirimu jadikan panduan,
Cintailah keindahan jaga kebersihan,
Persekitaran indah tiada pencemaran.

Kempen kebersihan bersama dihayati,
Udara nyaman pasti dinikmati,
Sihat badan wajah berseri,
Negara aman hidup harmoni.

Jadilah warga bertimbang rasa,
Kepada alam membuat jasa,
Tanah dan tumbuhan dipelihara,
Kerosakan tiada bumi sejahtera.

Air sungai mengalir damai,
Ombak berlagu memukul pantai,
Unggas bernyanyi suasana permai,
Di hari minggu kita bersantai.

Jerebu berleluasa melanda negara,
Kebakaran dan kilang punca angkara,
Lapisan ozon semakin derita,
Tanamkan kesedaran atasi segera.

Amalan meludah membuang sampah,
Mengotorkan sekitar mesti ditegah,
Menghisap rokok menagih dadah,
Perbuatan yang buruk perlu dicegah.

Balak ditebang sesuka hati,
Tanah runtuh di sana sini,
Rancang pembangunan dengan teliti,
Wujudkan keseragaman pentingkan kualiti.

Pelbagai bunga menghias taman,
Dapat dilihat sepanjang jalan,
Indah pemandangan destinasi pelancongan,
Majukan negara tingkatkan pendapatan.

Wahai adikku dengarlah tuan,
Bumi ini amanah Tuhan,
Jangan suka membuat kerosakan,
Nyawa terancam mengganggu kesihatan.

Bumi ini amanah Tuhan,
Dijaga rapi ke akhir zaman,
Usah dicari kemurkaan Tuhan,
Kelak nanti ditimpa seksa.

Tanah, udara dan laut,
Allah kurnia pelbagai kegunaan,
Mesti dihayati penuh kesyukuran,
Pasti dilimpahi pelbagai kurniaan

Sampai hati membuat kerosakan,
Menangis bumi banyak pencemaran,
Tanah, sungai, parit, lautan,
Kotor ditaburi sisa buangan.

Sematkan di jiwa semangat iltizam,
Jangan suka berbuat kejam,
Flora dan fauna tidak terancam,
Kehidupan di dunia aman tenteram.

Gunakan minda dan kreativiti,
Mencanai lukisan ukiran seni,
Hiasan artifak menambah seri,
Sekitar indah hidup harmoni.

(Dipetik daripada antologi *Anak Bumi Tercinta*,
Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Rancang pembangunan dengan teliti,

- 36 Apakah maksud rangkai kata syair di atas?
- A Pembangunan yang hendak dilaksanakan tidak perlulah perancangan yang teliti
 - B Pembangunan yang hendak dilaksanakan harus mementingkan keuntungan.
 - C Pembangunan yang hendak dilaksanakan perlulah perancangan yang teliti.
 - D Pembangunan hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu kemudian barulah membuat perancangan.
- 37 Persoalan yang terdapat dalam syair ini ialah
- A cintai saudara mara kita
 - B cinta akan keindahan alam sekitar
 - C hiasilah alam sekitar kita dengan bunga-bunga
 - D bersama-sama menjayakan kempen kebersihan dan keceriaan

- 38 Apakah punca utama yang menyebabkan berlakunya masalah jerebu?
- A Pembangunan tanpa perancangan yang teliti
 - B Kempen kebersihan yang kurang berkesan
 - C Sikap masyarakat yang pengotor
 - D Pembakaran secara terbuka.

39

Ombak berlagu memukul pantai,

Unsur keindahan bahasa yang terdapat dalam baris syair di atas ialah

- A simile.
 - B anafora.
 - C metafora.
 - D personifikasi.
- 40 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** pengajaran daripada syair di atas?
- A Kita perlulah menjauhi perbuatan menagih dadah
 - B Kita mestilah bersama-sama menjaga alam sekitar
 - C Kita perlulah mengambil tindakan tegas kepada pesalah
 - D Kita haruslah sentiasa bersyukur dan menikmati kurniaan Allah

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

02/2



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2010
TINGKATAN TIGA
BAHASA MELAYU

02/2

Kertas 2
Ogos

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian : Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Disediakan oleh:

GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Courtesy of smkadg.com

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

02/2

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A(i) : Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang kebaikan sektor pelancongan terhadap negara. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

“Malaysia Truly Asia” menjadi slogan kempen penggalakan industri pelancongan di negara ini. Selaras dengan itu juga, pelbagai destinasi pelancongan yang indah lagi menarik diperkenalkan untuk memukau pelancong asing. Kesannya, negara banyak *memperoleh faedah* melalui industri pelancongan.

Melalui sektor pelancongan, nama Malaysia harum di seluruh pelosok dunia dan menjadi buah mulut warga asing. Tanggapan bahawa Malaysia ialah negara yang terpencil dapat dihapuskan buat selama-lamanya. Dari segi ekonomi, negara kita banyak mendapat keuntungan. Hal ini kerana aktiviti pelancongan meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan. Fenomena yang sihat ini sekali gus menstabilkan ekonomi negara. Sementara itu, sektor pelancongan turut menjanakan pendapatan negara. Negara kita sememangnya kaya dengan khazanah alam semula jadi yang menjadi aset untuk menarik pelancong.

Baik atas urusan rasmi mahupun hanya untuk berseronok, pelancong yang berkunjung ke Malaysia pasti tidak akan melepaskan peluang untuk membeli-belah buat keluarga mereka. Tanpa disedari, aliran kemasukan wang dari luar negara dapat ditingkatkan. Pada masa yang sama juga, hal ini dapat membantu perkembangan industri kraf tangan seperti batik, anyaman dan tembaga. Kedatangan pelancong asing ke negara kita juga dapat memajukan sektor penginapan, pengangkutan dan infrastruktur. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu merebut peluang untuk memenuhi permintaan tersebut yang semakin meningkat.

Walau bagaimanapun dalam keghairahan kita memajukan sektor pelancongan ini, kita harus berwaspada terhadap impak buruk yang mungkin berlaku. Kelonggaran syarat-syarat untuk memasuki negara bagi menggalakkan kemasukan pelancongan asing mungkin tanpa kita sedari akan memudahkan sindiket-sindiket haram mengembangkan sayap mereka di negara ini. Peningkatan kadar jenayah ini seterusnya akan menjejaskan pembangunan negara.

Konklusinya, usaha-usaha untuk meningkatkan perkembangan sektor pelancongan di Malaysia perlulah dipergiat. Dengan kemajuan sektor ini, kerajaan dapat membangunkan pelbagai bidang untuk kemaslahatan umum. Lantaran itu, kerjasama semua pihak amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada ‘Kebaikan Pelancongan di Malaysia’, Dewan Siswa, Ogos, 2008)

SULIT

6

02/2

Bahagian D

[10 markah]

Jawapan mestilah berdasarkan novel yang telah anda kaji dalam Tingkatan 1, Tingkatan 2 atau Tingkatan 3 seperti berikut:

- (i) *Limpahan Darah di Sungai Semur karya Zakaria Salleh*
- (ii) *Timulak Kapal Perang karya Azmah Nordin*
- (iii) *Ekspedisi karya Mohd Ghazali Tocheh*

Berdasarkan **satu** novel yang anda kaji, huraikan latar masyarakat berserta contoh yang berkaitan.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

3

02/2

BAHAGIAN A (ii): Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata *memperoleh faedah* dalam petikan.
[2 markah]
2. Mengapakah kita perlu berwaspada terhadap kemasukan pelancong asing ke negara kita?
[4 markah]
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk meningkatkan industri pelancongan di negara kita?
[4 markah]

SULIT

5

02/2

Bahagian C

[40 markah]

Tulis **sebuah** karangan tentang satu daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

1. Anda dan rakan karib sering bertukar-tukar cerita sama ada tentang diri atau tentang keluarga. Rakan karib anda itu ingin mengetahui aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan sementara menunggu keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Balas surat tersebut selengkapnya.

2. Anda dikehendaki mewawancara seorang pelajar yang telah terpilih sebagai tokoh sukan sekolah tentang cara-cara memupuk serta meningkatkan minat pelajar menyertai aktiviti-aktiviti sukan peringkat sekolah.

Tulis wawancara itu selengkapnya.

3. Akhir-akhir ini gejala sosial semakin meningkat di negara kita. Cadangkan langkah-langkah yang dapat diambil oleh ibu bapa dalam menangani masalah ini.
4. Semangat patriotisme perlu disemai dalam kalangan rakyat negara ini. Huraikan kepentingan-kepentingan semangat patriotisme dalam kalangan remaja.
5. Peribahasa carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga merupakan peribahasa yang tidak asing dalam masyarakat Melayu.

Tulis sebuah cerita yang menggambarkan peribahasa tersebut.

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat. Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

